

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 1994/95**

**JUN 1995**

**RMK 252 - Pengantar Pengurusan Projek**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA mukasurat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan: Jawab **DUA** soalan daripada Bahagian A dan **DUA** soalan daripada Bahagian B.

**Bahagian A**

1. (a) Nyatakan tiga sebab mengapa kemahiran mengurus projek binaan harus dipertingkatkan menjelang abad ke 21.  
  
(b) Secara ringkas, bezakan di antara pemikiran klasikal dan kontingensi yang wujud di dalam teori pengurusan.

( 25 markah )

2. (a) Terangkan pengertian motivasi dan hubungannya dengan kelakuan individu.  
  
(b) Pilih salah satu daripada teori-teori motivasi yang telah anda pelajari dan bincangkan dengan memberi contoh-contoh yang berkaitan dengan industri binaan.

( 25 markah )

3. (a) Terangkan konsep kepimpinan.  
  
(b) Kenalpasti tiga gaya kepimpinan yang telah anda pelajari dan bincangkan perbezaan antara ketiga-tiganya.

( 25 markah )

**Bahagian B**

4. (a) Jelaskan maksud 'Pengawasan Sumber' dan bincangkan apakah perbezaannya dengan 'Pengurusan Sumber'.

(b) Apakah justifikasi 'Pengawasan Sumber'? Jelaskan.

( 25 markah )

5. Firma dimana anda bekerja baru sahaja memenangi satu kontrak untuk membina sebuah bangunan sekolah. Sebagai Pengurus Projek anda bertanggungjawab merancang dan mengatur program kerja untuk projek berkenaan. Butirkan langkah-langkah yang akan anda ambil.

( 25 markah )

6. Kegagalan firma binaan khususnya kontraktor kecil, selalu dikaitkan dengan 'kekurangan modal' dan 'kelemahan pengurusan'.

Bincangkan pernyataan berkenaan dan kaitkannya dengan pengetahuan dan kemahiran dalam perancangan projek.

( 25 markah )

oooOOooo